Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah semalam merampas hasil pertanian bernilai lebih RM10,000 yang cuba diseludup masuk ke Malaysia di laluan kargo Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul Pakianathan berkata, pemeriksaan ke atas sebuah lori ketika operasi kira-kira jam 9.30 malam itu ada mendapati muatan hasil sayuran termasuk cili, mangga, keladi, halia dan daun limau purut itu.

Barangan pertanian terbabit dibawa masuk tanpa dokumen sah seperti permit import atau sijil fitosanitasi.



**Antara hasil pertanian yang dirampas ketika operasi di laluan kargo Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam semalam.**

"Kesemua barangan itu ditahan dan syarikat pengimport bakal dikenakan kompaun kerana tiada dokumen sah," katanya melalui kenyataan media semalam.

Lily Rosalind berkata, penahanan itu bertujuan mengawal kemasukan serangga perosak dan penyakit yang boleh menjejaskan industri pertanian negara.

"Kegagalan mematuhi peraturan import boleh dikenakan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Perkompaunan Kesalahan) 2019.

"Perbuatan mengimport barangan tanpa permit sah juga suatu kesalahan di bawah Sekyen 11(1) Akta Perhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728)," katanya.

Mereka yang disabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) dan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di **Bukit Mertajam Pulau Pinang**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang merampas 14 paket gula-gula ghost smoke di sebuah kedai runcit kira-kira jam 10 pagi Bukit Tengah semalam.

Ketua Bahagian Penguatkuasa, Chin Ching Chung berkata, kesemua produk yang disita disyaki menggunakan perihal dagangan palsu dan meragukan.

"Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengesan pembekal produk tersebut," katanya melalui kenyataan semalam.

Chin Chung berkata, sejak 23 Julai sehingga kini KPDNHEP Pulau Pinang telah mencatatkan 59 pemeriksaan premis untuk produk Ghost Smoke Cool Fruit Powder.

Katanya, pemeriksaan dijalankan di semua peringkat termasuk pemborong, peruncit dan serta penjaja di sekitar kawasan sekolah di seluruh negeri.

Menurutnya, kes tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 5 (1) (b) Akta Perihal Dagangan 2011 dan jika sabit kesalahan peniaga boleh didenda tidak lebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan.

Gula-gula berkenaan tular dalam kalangan pengguna media sosial khususnya ibu bapa yang khuatir dengan soal keselamatan makanan itu yang menghasilkan kesan asap seperti menghisap rokok elektronik apabila dimakan.

| Headline | Tiada lagi import cili merah dari Vietnam | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 31 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | 21 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 196 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,826 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,478 |



# Tiada lagi import cili merah dari Vietnam



**KUALA LUMPUR:** Tiada lagi pengimportan cili merah dari Vietnam dibenarkan sepanjang tahun ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Beliau berkata, ini berikutan pemantauan persampelan cili merah dari negara berkenaan menunjukkan kandungan 'maximum residue limit' (MRL) melebihi paras dibenarkan.

"Kementerian juga telah menghantar notifikasi kepada pihak berkuasa Vietnam bagi mengambil tindakan sewajarnya dan melaporkan tindakan pencegahan yang membolehkan penggantungan import permit ditamatkan. "Kementerian juga menetapkan syarat sanitasi dan fitosanitasi bagi kemasukan cili segar dari Vietnam seperti mensyaratkan pensijilan amalan pertanian baik selain menggalakkan penanaman dan meningkatkan pengeluaran cili tempatan yang bebas racun serta berkualiti bagi memenuhi permintaan cili dalam negara," katanya pada sesi Pertanyaan bagi Jawab Lisan di Dewan Negara di sini, baru-baru ini. Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Datuk Seri Khairudin Samad yang ingin tahu sejauh mana usaha yang diambil kerajaan dalam menangani ancaman cili import beracun dari negara berkenaan susulan penjualannya di pasaran tempatan tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 berkaitan residu racun perosak yang disahkan Kementerian Kesihatan, tahun lepas.

Sim berkata, kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Pemeriksaan Malaysia (Maqis) sentiasa melakukan pemantauan berterusan dan pemeriksaan yang lebih teliti bagi sebarang produk pertanian khususnya dari Vietnam.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Senator Mohd Suhaimi Abdullah yang ingin tahu kesahihan penularan video makanan pemprosesan yang didakwa beracun antaranya dengan mewarnakan durian supaya kelihatan lebih segar, Sim berkata video itu adalah video lama dan tidak berlaku di negara ini. - BERNAMA

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# Ikan pekasam, petai Perak laris di Singapura



***Abdul Yunus (dua dari kanan) menunjukkan produk ikan pekasam yang dijual*** *sempena Malaysia Fest 2019 di Singapura, baru-baru ini.*
(Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

**Ipoh:** Ikan pekasam dan petai menjadi produk kebanggaan dan tarikan makanan terbaru Perak yang akan diketengahkan bagi pasaran pada peringkat antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari, berkata selepas durian, kedua-dua produk itu didapati menjadi produk paling laris sempena Malaysia Fest 2019 yang berlangsung di Bangunan Expo, Changi, Singapura, baru-baru ini.

"Sebelum ini, kita ada membawa beberapa produk istimewa seperti Rendang Tok, biskut kelapa dan sebagainya tetapi pada kali ini kita memperkenal dua lagi produk iaitu petai dan ikan pekasam.

"Kedua-duanya mendapat sambutan hebat dan luar biasa, jadi kita akan mempertimbang dan berbincang dengan pihak tertentu untuk menjadikan produk terbabit sebagai produk *signature* (kebanggaan) terbaru untuk Perak," katanya ketika ditemui pemberita, di sini, semalam.

Abdul Yunus berkata, tahun hadapan, pihaknya bercadang bergabung bersama beberapa portfolio negeri seperti pelancongan dan usahawan, agar dapat membuka ruang pasaran produk lebih luas untuk diketengahkan.

"Ini adalah penyertaan ketiga Perak ke program Malaysia Fest itu, kali ini kita membuka dua gerai yang menawarkan 15 produk yang dihasilkan oleh 15 usahawan.

"Berdasarkan pengalaman lalu, semua produk yang kita bawa memang mendapat sambutan di luar jangkaan daripada warga Singapura.

"Meskipun ekspo membabitkan persaingan hebat daripada pelbagai negeri, tetapi saya yakin produk Perak mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri," katanya.

Festival berkenaan terbahagi kepada tujuh kluster membabitkan kecantikan dan fesyen, makanan popular, jenama selebriti, makanan dan buah-buahan, trak makanan, pelancongan dan perkhidmatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/7/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# FAMA Fest Perak catat nilai jualan RM3.74 juta




**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (lima dari kiri) ketika menyempurnakan majlis perasmian FAMA Fest Perak 2019 di RTC Gopeng kelmarin.**

**GOPENG** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.74 juta pada Program FAMA Fest Perak 2019 yang diadakan selama lima hari di RTC di sini yang berakhir kelmarin.

FAMA dalam satu kenyataan semalam berkata, hasil jualan meliputi sajian makanan popular, florikultur, haiwan kesayangan dan ikan hiasan, barangan segar dan pelbagai lagi turut menunjukkan peningkatan berbanding RM2.2 juta yang diperoleh pada tahun lalu.

Gerai menjual pelbagai barangan mencatatkan jumlah jualan tertinggi iaitu RM2.2 juta diikuti gerai sajian makanan sebanyak RM647,879.

"Sebanyak 808 jenis makanan dan minuman popular dari Perak, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak dan Pulau Pinang telah diketengahkan kali ini seperti ais milo kepal, rojak pasembor, apam balik 46 perisa, nasi ganja, nasi beriani, laksa Sarawak, ikan bakar Terengganu, kacang pool serta nasi tujuh benua.

"Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi membantu usahawan, petani dan pengeluar untuk memasarkan produk dalam membangunkan industri agromakanan negara.

"Ia juga sebagai medan pertemuan agensi kerajaan, para petani dan usahawan yang akan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan pada harga yang mampu dibeli oleh pengguna," katanya.

Menurut kenyataan itu, program tersebut mula diperkenalkan pada tahun 2017 di RTC Gopeng, Perak dan pada tahun 2018 program FAMA Fest dikembangkan ke Pulau Pinang serta Kedah manakala pada tahun 2019 ia dikembangkan lagi ke lima buah negeri iaitu Melaka, Sarawak, Pulau Pinang, Perak dan Kedah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 31/7/2019 | BERITA HARIAN | SENTRAL | 62 |

Pemberhentian import cili merah Vietnam

# Pengeluaran tempatan ditingkat

**Jelebu:** Pemberhentian import cili merah Vietnam yang diumumkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak akan memberi kesan terhadap keperluan pengguna di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir, berkata negeri ini mempunyai ramai pengusaha cili dan yakin tidak akan timbul masalah kekurangan bekalan.

Katanya, ketika ini pengeluaran tahunan tanaman itu di Negeri Sembilan adalah sebanyak 456 tan, malahan pernah mengalami lambakan cili.

"Dalam tempoh tiga bulan ini kita akan lihat dulu jika ada kesan daripada pemberhentian import itu.

"Jika berlaku sebarang masalah kita akan ambil tindakan segera yang difikirkan sesuai termasuk mendapatkan bekalan dari negeri lain," katanya selepas melawat ke dusun durian di Kampung Chennah, semalam.

Mengulas lanjut, Bakri berkata, beliau akan meminta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memantau keadaan itu dari semasa ke semasa, terutama menjelang Aidiladha tidak lama lagi.



***Bakri ketika mengadakan lawatan ke dusun durian** di Kampung Chennah, Jelebu, semalam.* (Foto Abnor Hamizam/BH)

Katanya, pemberhentian import itu dijangka menggembirakan pengusaha cili tempatan sekali gus dapat meningkatkan pengeluaran tanaman itu.

"Saya berharap tidak berlaku kenaikan harga cili supaya tidak membebankan rakyat apatah lagi negeri ini antara pengguna cili tertinggi di negara ini," katanya.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, dilaporkan berkata, tiada lagi pengimportan cili merah dari Vietnam dibenarkan sepanjang tahun ini.

Katanya, kementerian juga menghantar notis kepada pihak berkuasa Vietnam bagi mengambil tindakan sewajarnya dan melaporkan tindakan pencegahan yang membolehkan penggantungan import permit ditamatkan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Larangan import tak jejas bekalan | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Melaka Negeri Sembilan) | | |
| Date | 31 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 9,582 |
| Page No | 34 | Readership | 28,746 |
| Language | Malay | ArticleSize | 84 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,475 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,426 |



**Jelebu**

# Larangan import tak jejas bekalan

Pemberhentian import cili merah dari Vietnam yang diumumkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menjejaskan bekalan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir berkata, ini berikutan Negeri Sembilan mempunyai ramai pengusaha cili dan pengeluarannya di negeri ini dilaporkan 456 tan metrik setahun.

Malah, katanya, negeri itu pernah mengalami lambakan cili sebelum ini.

"Bagaimanapun, kami akan lihat kesan pemberhentian import ini dalam tempoh tiga bulan.

"Jika berlaku masalah kami akan mengambil tindakan segera yang sesuai termasuk mendapatkan bekalan dari negeri lain," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke dusun durian di Kampung Chennah Titi, di sini, semalam.

Bakri berkata, pihaknya meminta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memantau keadaan itu dari semasa ke semasa terutama menjelang Aidiladha.

Katanya, pemberhentian import itu dijangka menggembirakan pengusaha cili di negeri ini, namun berharap mereka meningkatkan pengeluaran.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Produk segar berasaskan pertanian dijangka meningkat | | |
| MediaTitle | SelangorKini | | |
| Date | 31 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 250,000 |
| Page No | 17 | Readership | 750,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 317 cm² |
| Journalist | NAZLI IBRAHIM | AdValue | RM 3,121 |
| Frequency | Weekly | PR Value | RM 9,364 |



Perkenal pelbagai kaedah

# Produk segar berasaskan pertanian dijangka meningkat



OLEH **NAZLI IBRAHIM**

**SHAH ALAM** - Produk segar dan proses berasaskan pertanian dijangka meningkat ekoran promosi berterusan dijalankan Kerajaan Selangor.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim berkata, antara langkah diambil termasuk menyertai program promosi di luar negara dengan bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Pagi tadi (22 Julai) kita buat pelepasan rombongan ke Singapura untuk hadiri Malaysia Fest yang saya pernah hadiri tahun lalu. Sambutan cukup baik dengan peningkatan hasil jualan lebih 20 peratus setiap tahun.

"Tahun ini kita tambah lagi dengan menyertai Halal Fest di Jepun pada 11 November nanti dan kita sediakan peruntukan untuk tambah usahawan menyertai promosi itu nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Kementerian Pertanian bersama EXCO-EXCO Pertanian Seluruh Malaysia di Dewan Orkid, Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, di sini, pada 22 Julai lalu. Selain mempromosikan produk pertanian di luar negara, Ir Izham turut memuji langkah FAMA membina pasar raya Selangor Agro Market (SAM) di Selangor.

Katanya, pasar raya itu akan meningkatkan pemasaran produk pertanian Selangor, sekali gus meningkatkan lagi pendapatan pengusaha pertanian.

Ir Izham berkata, FAMA turut mengenakan syarat hanya produk diusahakan sendiri tanpa melalui orang tengah sahaja dibenarkan dipasarkan di pasar raya itu nanti.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Traditional local fruits in danger of becoming extinct | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN (www.msn.com/en-my) | | |
| Date | 31 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,050 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,150 |

# Traditional local fruits in danger of becoming extinct

In a neighbourhood playground, a tent has been set up, the canopy overhead providing shelter from the blistering heat of the day.
Under this shade, a long table can be seen, laid out with an array of strange-looking fruits. Each one is unique, and tellin...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/7/2019 | MINGGUAN AMANAH | NASIONAL | 14 |

# LKIM galak belia pelbagai industri perikanan

**LEMBAGA** Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan dana berjumlah RM20,000 kepada Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sepang sebagai galakkan kepada golongan belia menceburi industri perikanan dan memodenkan industri akuakultur.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, sumbangan tersebut sebagai rangsangan kemampuan dan keberanian belia nelayan yang mahu menceburi industri akuakultur untuk meningkatkan sumber pendapatan.

Jelasnya, ia juga sebagai galakan supaya golongan belia nelayan menceburi industri perikanan sama ada melalui pemodenan vessel dan kepelbagaian industri perikanan seperti akuakultur dan agro-tourism.

"Nelayan adalah sektor pekerjaan paling istimewa kerana kepelbagaian industri yang boleh menambah pendapatan bagi menjadikan nelayan satu industri moden yang boleh diwarisi kepada generasi muda.

"Saya cukup mengkagumi usaha dan komitmen belia nelayan Sepang yang turut bekerjasama dengan kelab Sirip Biru yang mengusahakan agro-tourism termasuk sport fishing, river cruise dan rumah rakit bagi pemancing di sepanjang Sungai Sepang Besar. Anak muda yang berani menjadi usahawan harus dibantu, " katanya.

Sementara itu, beliau yang juga Timbalan Ketua Pemuda AMANAH berkata, pertemuan bersama para nelayan Sepang baru-baru ini mendapati, kebimbangan mereka adalah mengenai isu pencemaran Sungai Sepang Besar yang menyebabkan pencemaran air kapur dan najis khinzir.

"Pencemaran yang berpunca dari penternakan di Negeri Sembilan itu telah mengancam pembiakan sumber laut seperti udang dan ikan. LKIM yang akan usahakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini.

"Muara yang cetek di kawasan tersebut akibat pembangunan projek Jimah Power juga akan dilihat secara serius kerana ia mengancam masa depan industri perikanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan projek akuakultur sangkar ikan siakap dalam lawatan kerjanya ke Sungai Sepang Besar dan Majlis Ramah Mesra Bersama Kubena PNK di Sepang, Bagan Lalang, baru-baru ini.

Menurutnya, antara program lain yang diadakan dalam lawatan kerjanya, termasuk melawat projek baik pulih rumah nelayan yang telah dibina secara gotong-royong oleh komuniti nelayan dengan peruntukan RM13,000.

"Menariknya, rumah yang dipilih di bawah skim ini adalah milik orang asal En Amit. Sebuah kerusi roda untuk kegunaan anak OKU seorang nelayan turut disumbangkan PNK Sepang.

"Tanpa industri perikanan dimajukan, food security bagi makanan sumber laut akan berkurangan yang boleh mengancam pertumbuhan ekonomi negara dan kemakmuran hidup rakyat Malaysia," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/7/2019 | SINAR HARIAN | BULETIN DARUL NAIM | 36 |






| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/7/2019 | SINAR HARIAN | BULETIN DARUL NAIM | 37 |

# ATURCARA

### PENTAS UTAMA

2:00 PTG : SLOT 5 : INOVASI PENGHASILAN SOS TEMPOYAK
Oleh : MARDI
3:00 PTG : SLOT 6: TAKLIMAT FERMENTED FRUIT JUICE (FFJ)
Oleh : Politeknik Jeli Kelantan
4:00 PTG : SLOT 7 : TAKLIMAT POTENSI PENANAMAN & PASARAN PISANG TANDUK
Oleh : Agrofuture Sdn Bhd
9:00 MLM : Persembahan Buskers

### LAMAN VETERINAR

10:00 PG : Pertandingan Induk Lembu NaimBif
: Pertandingan Betina Muda NaimBif
: Pertandingan Jantan Muda NaimBif
: Pertandingan Tikam Pah
2:00 PTG : Bicara Veterinar

## KHAMIS 01 OGOS 2019 29 ZULKAEDAH 1440H

### PENTAS UTAMA

10:00 PG : MAJLIS PERASMIAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN NEGERI KELANTAN 2019
Disempurnakan oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
3:00 PTG : Bicara Agropreneur Muda
9:00 MLM : Forum Perdana Ehwal Islam

### LAMAN VETERINAR

10:00 PG : Pameran Lembu NaimBif
: Pertandingan Ayam Serama
: Pameran Persenjataan Melayu
2:00 PTG : Bicara Veterinar

### PESISIR PANTAI BISIKAN BAYU

10:00 PG : Pertandingan Memancing Mini Joran

## JUMAAT 02 OGOS 2019 01 ZULHIJAH 1440H

### LAMAN PAMERAN DAN JUALAN

9:00 PG : Pertandingan Ikan Cantik (Kategori : Betta)

### PENTAS UTAMA

9:00 PG : SLOT 1 : TAKLIMAT POTENSI PENTERNAKAN PUYUH
Oleh : [illegible] Agro Enterprise
10:00 PG : SLOT 2 : TAKLIMAT MEMBINA MASA DEPAN INDUSTRI ARNAB PEDAGING
Oleh : Persatuan Penternak Arnab Kelantan (PETAK)
11:00 PG : DEMONSTRASI MASAKAN BERASASKAN ARNAB & PUYUH
Oleh : APEK
3:00 PTG : DEMONSTRASI 'PRIME CUT' DAGING
Oleh : [illegible] (Master Butcher Istana Buckingham, England)
4:00 PTG : SLOT 4 : TAKLIMAT AKTA KEBAJIKAN HAIWAN
Oleh : Jabatan Perkhidmatan Veterinar
9:00 MLM : Persembahan Wayang Kulit
Oleh : Tok Dalang Pyu

### LAMAN VETERINAR

10:00 PG : Pertandingan Baruk Pulas 'Nyor'
11:00 PG : Pertandingan Mewarna
: Bicara Veterinar
3:00 PTG : Pertandingan Burung Badgie

## SABTU 03 OGOS 2019 02 ZULHIJAH 1440H

### LAMAN PAMERAN DAN JUALAN

9:30 PG : Pertandingan Ikan Cantik (Kategori : Guppy)

### PENTAS UTAMA

10:00 PG : Pertandingan Mewarna
12:30 T/H : Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mewarna, Memancing, Penalti Pantai Anak Muda dan Acara Cabutan Bertuah Peserta *Fun Ride*
2:00 PTG : SLOT 1: DEMONSTRASI AQUASCAPE
Oleh : Politeknik Jeli Kelantan
3:00 PTG : DEMONSTRASI MEMBUAT BUBU INOVASI
Oleh : Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
4:00 PTG : SLOT 2: TAKLIMAT TEKNOLOGI PEMBENIHAN IKAN KERAPU
Oleh : Jabatan Perikanan
9:00 MLM : Persembahan Dikir Barat
Oleh : Kumpulan Dikir Barat Arjunasukma

### PERKARANGAN TOK AMAN BALI BEACH RESORT

8:00 PG : Acara Fun Ride

### PESISIR PANTAI BISIKAN BAYU

8:30 PG : Penalti Pantai Anak Muda
9:00 PG : Pertandingan Memancing

### LAMAN VETERINAR

10:00 PG : Pertandingan Tamalan Kambing dan Bebiri
: 'Explorace'
: Pertandingan Replika Haiwan
2:00 PTG : Pertandingan Arnab
5:00 PTG : Pertandingan 'Igak' Anak Itik

## AHAD 04 OGOS 2019 03 ZULHIJAH 1440H

### PESISIR PANTAI BISIKAN BAYU

8:30 PG : Acara-Acara Sukan Rakyat
- Panjat Tiang Licin
- Pukul Bantal Atas Tiang
- 'TOMOI' Tutup Mata
- Lari Dalam Upih
- 'Shoot' Gol Bola Jaring
- Bowling Pantai
- Cari Harta Karun
- Kuda Berhias

### PENTAS UTAMA

9:00 PG : SLOT 1: TAKLIMAT PENGGREDAN TEMBIKAI DAN LABU
Oleh : FAMA
10:00 PG : SLOT 2: DEMONSTRASI DURIAN CREPE
Oleh : IADA Kemasin Semerak
11:00 PG : SLOT 3: TAKLIMAT GERAN USAHAWAN BIO
Oleh : Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.
12:00 T/H : SLOT 4: TAKLIMAT PELUANG PEMASARAN PRODUK IKS
Oleh : Persatuan Usahawan IKS Kelantan
2.30 PTG : MAJLIS PENUTUPAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN NEGERI KELANTAN 2019
Disempurnakan oleh
YB Hj. Tuan Mohd Saripudin B. Tuan Ismail
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Kelantan




hppnkelantan






| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 31/7/2019 | KOSMO | NIAGA | 46 |

# Gapam Eco tawar durian organik

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Gapam Eco Farm (Gapam Eco) bakal menjadi dusun durian organik pertama di negeri ini selepas membuat permohonan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) dengan konsep tanaman tanpa penggunaan baja sintetik.

Pemilik dusun tersebut, Chong Kim Kong berkata, konsep tanaman organik itu telah diguna pakai sejak 30 tahun lalu dan kaedahnya telah diperluaskan dengan penanaman 320 pokok durian di kawasan seluas 12 hektar di dusun berkenaan.



KIM KONG (kiri) bersama Diane menunjukkan durian organik di dusun mereka di Melaka baru-baru ini.

Menurut beliau, pihaknya kini mengusahakan pelbagai jenis durian seperti D24, D123, D99, D13, Musang King, Kanyou dan Udang Merah, selain buah-buahan lain antaranya cempedak, pisang, nanas serta rambutan.

"Konsep tanaman organik ini digunakan bagi menghasilkan buah dengan kualiti terbaik meskipun kosnya agak tinggi.

"Kelebihan durian tersebut ialah ia tidak akan menyebabkan badan berasa panas atau pelanggan menghadapi masalah kulit sekiranya dinikmati dalam kuantiti yang banyak," katanya ketika ditemui di dusunnya di sini baru-baru ini.

Kim Kong menjelaskan, perniagaan yang diuruskan bersama ahli keluarganya termasuk isteri, Diane Leong, tidak memfokuskan kepada pengeksportan hasil ke luar negara sebaliknya menggalakkan penggemar durian menikmati raja buah itu di Gapam Eco.

"Saya lebih berminat untuk menarik pelancong khususnya dari luar negara seperti Korea, Hong Kong, Taiwan dan China datang ke dusun menikmati durian organik yang lebih segar dan beraroma di sini.

"Kedudukan Gapam Eco yang berdekatan bandar dan plaza tol juga diharap menjadi nilai tambah dalam menjadikan dusun ini sebagai pelancongan tani (agro pelancongan).

"Sekali gus, ia dapat membantu menggalakkan kemasukan pelancong ke negeri ini" katanya.

Kim Kong menjelaskan, sehingga kini, dusun durian itu mempunyai lebih 10 jenis klon pokok durian dengan sebatang pokok yang sihat berpotensi menghasilkan hingga 300-500 biji atau lebih 500-800 kilogram, bagi satu musim antara hujung Mei hingga awal Ogos dan Disember hingga Februari.

"Bagi mereka yang ingin mengadakan lawatan dusun, kami menyediakan pakej termasuk manisan durian, air kelapa dan buah-buahan segar untuk dinikmati," tambahnya sambil menjelaskan harga raja buah itu bergantung kepada jenis dan nilai pasaran.